



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2020/04/33 (HQ)

### ASTRO MELUASKAN PERKHIDMATAN JALUR LEBAR DENGAN KERJASAMA ALLO

Astro Malaysia Holdings Berhad (Astro) dan anak syarikat milik penuh Tenaga Nasional Berhad, Allo Technology Sdn. Bhd. (Allo) hari ini mengumumkan kerjasama strategik yang membolehkan Astro menawarkan perkhidmatan jalur lebar dan kandungan yang unik kepada capaian sedia ada dan baharu yang dihubungkan Allo.

Tawaran ini akan memberikan pengguna menikmati sambungan jalur lebar berkelajuan tinggi dan kandungan Astro. Kerjasama ini adalah usaha Astro untuk mendukung inisiatif Pelan Gantian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP) yang dilaksanakan kerajaan.

Perjanjian kerjasama itu ditandatangani Ketua Pegawai Eksekutif kedua-dua syarikat tersebut, Henry Tan mewakili Astro manakala Rodzi Ahmad bagi Allo.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Astro, Henry Tan berkata, "Meskipun PKP masih berlangsung, perkhidmatan kita masih berjalan seperti biasa. Astro teruja untuk mengumumkan kerjasama dengan Allo untuk perkhidmatan jalur lebar dan kandungan. Allo mempunyai pelan pelaksanaan di seluruh negara yang memberangsangkan. Kami yakin ini akan membuka peluang baru untuk Astro sejajar dengan strategi jalur lebar kami.

"Kerjasama ini akan meluaskan capaian jalur lebar sedia ada daripada TM, Maxis dan TIME kepada lebih 150,000 isi rumah dan perniagaan baru dalam tempoh 18 bulan akan datang. Ini akan membantu kami memperluaskan capaian jalur lebar Astro ke kawasan seperti Alor Gajah, Cyberjaya, Bangsar South dan banyak lagi kawasan pinggir bandar. "

Rodzi Ahmad, Ketua Pegawai Eksekutif Allo berkata, "Allo akan terus meluaskan perkhidmatan gantian optiknya ke seluruh negara di bawah inisiatif NFCP, bermula di Melaka, Perak, Johor, Kedah, Selangor dan Pulau Pinang. Kami mengalu-alukan kerjasama Astro ini untuk sama-sama terus berkembang menerusi pelan pengembangan ini.

"Allo memfokuskan untuk meluaskan sambungan gantian optik ke kawasan luar capaian yang berdaya maju. Justeru, kerjasama ini membolehkan kami memperluaskan perkhidmatan jalur lebar dan kandungan berkelajuan tinggi ke kawasan-kawasan ini untuk dinikmati pengguna.

"Melalui konsep akses terbuka bagi infrastruktur borong yang membolehkan pelbagai perkhidmatan dari Penyedia Perkhidmatan Runcit (RSP), Allo berharap tawaran jalur lebar dan kandungan ini dapat diperkenalkan pada harga yang kompetitif dan diakses oleh pelanggan."

Sebagai sebahagian daripada kerjasama ini, Astro akan dapat menjual semula semua produk jalur lebar Allo, termasuk jalur lebar berkelajuan sehingga 1 Gbps. Semasa pelancaran, Astro akan menawarkan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi berkelajuan 50 Mbps dan 100 Mbps yang menjimatkan kos, pada harga RM99 dan RM129. Kandungan ditawarkan termasuklah Pek Keluarga Astro dengan lebih daripada 40 saluran antara lain seperti Astro Ria, Astro Prima, Astro Arena, Astro Awani, Astro AEC, Astro Xiao Tai Yang, NatGeo WILD, FOXlife dan kandungan HD.

S.A. 2020/04/33 (HQ)

Selain mengatasi jurang digital antara kawasan dalam dan luar bandar, Henry berkata tawaran ini akan meningkatkan penglibatan pelanggan memandangkan ia membolehkan mereka menikmati rancangan TV kegemaran dan ribuan rancangan on-demand melalui kotak set-top dan peranti yang dihubungkan seperti telefon bimbit dan tablet.

Tawaran jalur lebar Astro ini unik kerana bukan sahaja ia memenuhi gaya hidup keluarga moden tetapi juga keperluan individu untuk mendapatkan maklumat, hiburan dan terus berhubung. Pelanggan juga akan menikmati akses percuma ke Astro GO yang membolehkan penstriman video mengikut keselesaan mereka. Pelanggan digalakkan untuk menyambungkan kotak set-top mereka untuk menikmati lebih daripada 15,000 kandungan On Demand, sebahagian daripada tawaran ini.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 28 April 2020, jam 10:30 pagi**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid di talian 013-3626923 /*

*Grace Tan di talian 016-6626229 / Nasir Aziz di talian 018-9434524*

*atau emel ke [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*

#### **Mengenai Allo**

*Kami adalah penyedia perkhidmatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang memberi perkhidmatan rangkaian, internet jalur lebar dan infrastruktur bandar pintar, serta perkhidmatan melalui konsep akses terbuka. Kami berazam untuk menyediakan perkhidmatan yang boleh diharap kepada rakan bisnes kami agar manfaat bersama dicapai untuk menyalurkan khidmat kepada pengguna akhir.*

*Allo melalui Tenaga Nasional Berhad (TNB) akan meluaskan rangkaian infrastrukturnya ke seluruh negara melalui Pelan Gantian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP). Rangkaian "Akses Terbuka Pelbagai Telco" akan memastikan pengguna akhir dapat menikmati kemudahan perkhidmatan yang ditawarkan pelbagai penyedia perkhidmatan.*